SKEMA JAWAPAN
SET 1

01. Bincangkan peranan pelbagai golongan masyarakat pada zaman Tamadun Indus dan China .

PENDAHULUAN (3 markah)

1. Organisasi sosial merujuk kepada pembahagian anggota masyarakat kepada beberapa lapisan sosial yang mempunyai perbezaan dari segi kuasa kekayaan, gaya hidup, pekerjaan ,dan sebagainya. Kewujudan organisasi sosial dapat dikesan sejak Zaman Neolitik berikutan berlakunya perubahan cara hidup masyarakat yang mula melibatkan diri dalam kegiatan pertanian yang telah menimbulkan pelbagai kelas dalam masyarakat sama ada pemerintah dan paderi yang menggunakan autoriti dan kuasa agama untuk menguasai hasil ekonomi negara diikuti munculnya golongan tentera untuk melindungi kekayaan dan kepentingan negara serta kelas yang paling bawah biasanya petani dan hamba yang bertanggungjawab mengeluarkan hasil- hasil ekonomi negara.

2. Latar belakang Tamadun Indus

3. Latar belakang Tamadun China .

ISI JAWAPAN

PERANAN MASYARAKAT TAMADUN INDUS (4 isi x 2m = 8 markah)

1. Golongan Pendeta

i. Disebabkan tidak adanya sistem pemerintahan beraja, maka tugas-tugas pemerintahan dan pentadbiran negara dipikul atau diamanahkan kepada golongan pendeta yang dianggap golongan yang suci serta mempunyai hubungan yang paling rapat dengan tuhan ataupun dewa.
ii. Dari segi pentadbiran dan perundangan misalnya, golongan pendeta bertanggungjawab menggubal serata melaksanakan peraturan dan undang –undang yang pada amnya lebih bersifat keagamaan berdasarkan kitab-kitab suci mereka.
iii. Golongan ini juga mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang ekonomi, kerana institusi agama(kuil)mempunyai tanah-tanah pertanian yang luas akan dikerjakan oleh golongan petani ataupun hamba.
iv. Golongan ini juga bertanggungjawab mengagihkan hasil-hasil pertanian yang dikumpulkan dalam jelapang.
v. Dari segi sosial pula, tanggungjawab kebajikan yang dipikul oleh golongan ini ialah menyediakan kemudahan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya.

2. Golongan Pedagang

i. Merupakan satu lagi kelas yang diletakkan dalam kategori kelas atasan dalam masyarakat di lembah Indus. Golongan ini sebagaimana golongan pendeta hidup dalam keadaan mewah dan mempunyai pekerja-pekerja yang terdiri sama ada golongan buruh yang merdeka atau hamba.
ii. Golongan ini dapat menjalani kehidupan yang mewah kerana urusan perdagangan yang dijalankan oleh mereka adalah bebas , iaitu tiada campur tangan golongan pendeta serta dikecualikan daripada membayar cukai.
iii. Para pedagang ini juga mempunyai cop-cop mohor yang mempunyai lambang bercorak keagamaan yang menandakan kekayaan yang dimiliki serta dipercayai menjadi azimat yang ada kuasa sakti

3. Golongan bawahan

i. Sebagaimana yang dinyatakan di awal tadi, golongan bawahan masyarakat di lembah Indus terdiri daripada golongan petani,buruh dan hamba
ii. Golongan petani biasanya tinggal dirumah-rumah kecil atau pun yang disediakan oleh golongan pedagang, biasanya rumah tersebut hanya mempunyai 2 buah bilik.
iii. Segala kerja pertanian yang dijalankan oleh golongan petani akan diawasi oleh para pendeta.
iv. Sementara golongan buruh pula biasanya akan menjalani tugas-tugas seperti menghantar bijirin, membina tembok, dan menenun kain.
v. Golongan petukang yang mahir membuat patung binatang
vi. Manakala kerja-kerja seperti mengumpul, menyimpan bijirin yang dihasilkan oleh petani dijalankan oleh hamba.

4. Masyarakat Indus selepas kedatangan orang-orang Aryan

i. Dengan kedatangan orang-orang Aryan sistem sosial masyarakat di sini kini dipengaruhi oleh sistem kasta. Sistem ini mengklasifikasikan penduduk mengikut pekerjaan mereka.
ii. Golongan yang paling tinggi dalam masyarakat dikenali sebagai Brahman yang berurusan dalam soal keagamaan serta spiritual dan mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang politik dan pemerintahan
iii. Golongan kedua pula kasytria yang bertanggungjawab pula menjalankan tugas-tugas ketenteraan seperti memberikan perlindungan kepada Brahman dan menghadapi musuh tatkala diancam
iv. Seterusnya pula golongan Vaisya yang biasanya dirujuk kepada golongan yang mempunyai kekayaan khasnya golongan pedagang
v. Manakala kasta yang paling rendah di antara 4 kelas ialah Sundra iaitu biasanya merujuk kepada golongan petani
vi. Kasta- kasta yang diamalkan di sini amat rigid, menyebabkan pergaulan antara kelas atasan dan bawahan adalah amat terbatas

PERANAN MASYARAKAT TAMADUN CHINA

(6 isi x 2m = 12 markah)

1. Golongan Raja

i. Merupakan kelas tertinggi dalam masyarakat China, merupakan sumber kekuasaan dan mempunyai **'supreme authority'** sebagaimana peranan firaun di Mesir.
ii. Antara tugas raja di China ialah menjadi sumber undang-undang negara; segala arahan dan perintah raja mesti dilaksanakan ,menjadi ketua agama, ketua kerajaan dan hakim ,mengetuai upacara agama, melantik ketua pelbagai jenis agama dan kepercayaan, dan juga melantik pegawai pentadbir untuk melicinkan struktur pentadbiran
iii. Seseorang yang dilantik menjadi raja dipercayai mendapat mandat dari tuhan atau syurga seandainya berlaku bencana alam seseorang raja itu harus ditukar sama ada secara baik ataupun melalui pemberontakan
iv. Walaupun begitu kebanyakan tugas raja dijalankan oleh wakil-wakilnya atas nama baginda, biasanya golongan aristokrat atau bangsawan dalam masyarakat China.

2 .Golongan Aristokrat

i. Merupakan pembantu utama raja, dan mempunyai pengaruh yang amat besar dalam sistem politik dan sosial masyarakat China
ii. Pada zaman dinasti Shang, golongan ini memonopoli penggunaan gangsa dalam bentuk alat-alat ritual dan senjata
iii. Sesuai dengan tarafnya, golongan ini membina rumah kediaman berhampiran rumah ibadat yang biasanya dikelilingi oleh tembok sebagai langkah keselamatan
iv. Pada zaman Dinasti Chao golongan ini amat berpengaruh, mempunyai banyak pengikut serta tanah-tanah yang dikerjakan oleh petani sesuai dengan sistem feudal yang diamalkan pada masa itu .

3. Cendekiawan / cerdik pandai

i. Golongan ini memberi nasihat kepada raja dalam hal pentadbiran

ii. Golongan ini dihormati dan dipuja oleh masyarakat China.

iii. Golongan ini yang bertanggungjawab memperkenalkan pelbagai aliran pemikiran di China seperti confuciunisme, taoisme, legalismedan lainnnya

4. Petani

Golongan yang kedua terpenting dalam masyarakat China yang menjadikan organisasi di sini agak unik ialah **petani**. Mereka dianggap kumpulan mulia kerana membekalkan makanan yang merupakan asas kepada kehidupan manusia.

5. **Golongan Artisan**

Kelas seterusnya ialah **golongan artisan atau tukang-tukang yang mahir** yang bertanggungjawab menghasilkan monumen – monumen tertentu.

6. **Golongan Pedagang**

Kelas masyarakat ini ialah **golongan pedagang** yang diletakkan di tangga terbawah kerana mereka di anggap penipu serta mengaut keuntungan daripada rakyat, tidak seperti kawasan lain tetapi tidak dipandang tinggi oleh masyarakat.

7. **Golongan Hamba**

Bagi masyarakat China selain pedagang dipandang rendah satu lagi kumpulan yang lebih hina kedudukannya iaitu terdiri daripada **pelakon, pelacur serta hamba** tidak mempunyai tempat di sisi masyarakat.

C) Kesimpulan : (2 markah)

Pembentukan organisasi sosial telah membentuk masyarakat yang kompleks.Dengan demikian telah dapat membantu perkembangan masyarakat yang membantu ke arah perkembangan tamadun .

02 Huraikan usaha-usaha yang diambil oleh Maharaja Shih Huang Ti untuk mengukuhkan pemerintahan empayarnya pada zaman Dinasti Chin.

1.PENGENALAN : (3m)

1. **Latar belakang Shih Huang Ti**
   - **a)** Maharaja Shih Huang Ti adalah pengasas Dinasti Chin pada tahun 221 S.M.
   - **b)** Beliau telah mengasaskan empayar yang luas sehingga Sungai Merah di Vietnam
   - **c)** Berjaya menyatukan seluruh empayar China ke bawah satu pemerintahan pusat.

2. **Sistem pemerintahan empayar di China**
   - **a)** Ketua kerajaan pusat ialah maharaja atau Huang Ti.
   - **b)** Gelaran Huang Ti digunakan oleh maharaja pertama Dinasti Chin.
   - **c)** Gelaran ini menunjukkan kuasa dan karisma seseorang raja yang dianggap sebagai *The Great King* dan *The King of Kings*.
   - **d)** Maharaja mempunyai kuasa tertinggi, sumber undang-undang, ketua kerajaan, ketua hakim, dan ketua agama.

ISI JAWAPAN (7 Isi x 3m=21m)

1. **Sistem pemerintahan berpusat**
   - i. Menubuhkan ibu kota di Hsein Yang
   - ii. Semua kuasa kerajaan adalah di bawah kuasa maharaja yang memerintah terus dari ibu kota.
   - iii. Menjalankan pemerintahan bersifat autokratik.

2. **Menghapuskan sistem feudal.**
   - i. Menghapuskan sistem feudal dengan menghapuskan kuasa dan pengaruh golongan aristokrat/bangsawan serta pegawai-pegawai feudal di peringkat wilayah dan daerah.
   - ii. Merampas tanah golongan aristokrat/bangsawan dan mengarahkan mereka tinggal di sekitar kawasan istananya.
   - iii. Lebih 120 000 orang aristokrat telah diarahkan ke ibu negeri iaitu Hsein Yang, pusat kerajaan Dinasti Chin.

3. **Memperkenal *'scholar sistem'***
   - i. Melatih sekumpulan kakitangan awam untuk menjadi gabenor dan pegawai-pegawai yang berkhidmat dengannya.
   - ii. Dilatih selama 15 tahun untuk menjadi kakitangan awam.
   - iii. Melalui sistem ini tiada lagi golongan bangsawan dilantik secara warisan melalui sistem feudal tetapi mesti berdasarkan kelulusan dalam peperiksaan awam yang dijalankan dengan ketat.

4. **Mewujudkan tiga pentadbiran utama**
    i. Maharaja bertanggungjawab kepada tiga pentadbiran utama iaitu Canselor, Setiausaha Imperial dan Grand Commandant.
    ii. Bertanggungjawab menasihati raja dan menguruskan istana.
    iii. Masing-masing mempunyai tugas khas. Contoh : Canselor mengawal keputusan dasar-dasar kerajaan dan lebih tinggi daripada jawatan lain. Setiausaha Imperial bertanggungjawab dalam membuat arahan, merekrut, dan menyelia ahli-ahli perkhidmatan raja. Grand Commandant mengawal tentera-tentera raja.
    iv. Tanggungjawab ketiga-tiga jawatan tersebut diagihkan sesama mereka hinggakan tiada seorang pun berada dalam kedudukan yang mampu menggulingkan kuasa maharaja.

5. **Membuat perubahan dalam pentadbiran wilayah/provinsi**
    i. Membahagikan empayar kepada 36 wilayah (kemudiannya 42 wilayah).
    ii. Menghapuskan kuasa golongan bangsawan memerintah wilayah.
    iii. Shih Huang Ti melantik gabenor dan panglima tentera untuk mentadbir wilayah yang terdiri daripada ahli keluarganya atau pegawai tentera yang banyak berjasa kepadanya.
    iv. Pemerintahan wilayah dikawal oleh pusat pemerintahan maharaja.
    v. Ia bertujuan untuk mengelakkan wilayah membentuk kerajaan dan mencabar kerajaan pusat sebagaimana dalam sistem feudal.

6. **Melantik pemerhati/perisik wilayah**
    i. Untuk mengawal pentadbiran wilayah, seorang pemerhati dilantik bagi mengawasi tindak-tanduk gabenor-gabenor di wilayah.
    ii. Pegawai-pegawai pemerhati ini akan melaporkan kepada maharaja di kerajaan pusat dan dengan cara ini maharaja boleh mengawal semua wilayah dalam empayarnya.

7. **Penguatkuasaan undang-undang**

    i. Penduduk di China diatur dalam kumpulan –kumpulan keluarga yang mempunyai tanggungjawab bersama untuk menyediakan guna tenaga dalam kerja-kerja pembinaan dan ketenteraan.
    ii. Sistem ini dikuatkuasakan melalui kanun keseksaan yang kejam.
    iii. Kaedah pemerintahan seperti ini dikuatkuasakan oleh Shih Huang Ti di seluruh negara China untuk menyatukan Negara China dan mengukuhkan pemerintahannya.

8. **Dasar pengawalan ke atas rakyat**

    i. Mengamalkan sistem undang-undang yang ketat berasaskan fahaman legalisme yang bertujuan mengawal tingkah laku rakyat melalui undang-

undang dan tindakan yang keras. Oleh itu, buku-buku ajaran Confucius telah dibakar kerana bertentangan dengan dasar yang diamalkannya.

ii. Sarjana-sarjana yang ingkar dihukum bunuh.

iii. Untuk mengelakkan pemberontakan, rakyat yang memiliki lembing, tombak, anak panah, dan kereta kuda dipaksa menyerahkan senjata-senjata tersebut kepada kerajaan.

9. Memperkukuh sistem pertahanan daripada serangan luar.

i. Mempertahan daripada serangan orang gasar khususnya orang orang Hsiung Nu dengan membina Tembok Besar Negeri China.

ii. Menyambung pembinaan Tembok Besar Negeri China yang dilengkapi dengan menara kawalan untuk memerhati gerakan musuh.

iii. Memperbesar dan memperkuat pasukan tentera.

<u>Kesimpulan</u>:(1m)

Shih Huang Ti berjaya mengukuhkan pemerintahannya. Sikap beliau yang autokratik dan zalim menyebabkan rakyat cuba memberontak tetapi gagal.
Sistem beraja Dinasti Chin mengalami keruntuhan selepas kematian Shih Huang Ti pada tahun 210 S.M kerana penggantinya lemah dan tidak dapat mengawal seluruh empayar yang luas.

03. Bincangkan sumbangan Kautilya dan Sun Tzu dalam bidang ketenteraan.

PENGENALAN (3m)

1. Pemikir ketenteraan ialah tokoh-tokoh yang memberikan sumbangan kepada pertahanan dan ketahanan sesebuah negara melalui falsafah pemikiran mereka. Antara tokoh-tokoh pemikir ketenteraan yang memberi sumbangan ini ialah Kautilya, Sun Tzu dan Nicollo Machiavelli.

2. Latar belakang Kautilya

   Kautilya merupakan pemikir ketenteraan agong dalam tamadun India. Beliua pernah berkhidmat sebagai menteri kepada pengasas empayar Maurya iaitu Chandragupta Maurya.Kitab yang terkenal yang dihasilkan beliau ialah *Arthasastra* dan *Science of gains*

3. Latar belakang Sun Tzu
   Sun Tzu merupakan pemikir ketenteraan terulung dalam tamadun China. Beliau pernah berkhidmat sebagai panglima tentera kerajaan Wu dan pernah menewaskan negeri Chu dan Ying. Buku yang dihasilkan *Seni Peperangan* merupakan buku ketenteraan yang terbaik dan tertua.Buku ini mengandungi 6000 perkataan dan terdiri daripada 13 bab serta mengemukakan 13 taktik dan strategi.

ISI JAWAPAN

A. Sumbangan Kautilya (5 x 2 = 10m)

1. Idea Tentang Hubungan Dengan Negara Lain

Buku *Arthasastra* menyarankan enam bentuk hubungan antara satu negara dengan negara lain, iaitu mementingkan keamanan, bersedia untuk berperang, membiarkan musuh melancarkan serangan pertama, melancarkan serangan pertama, bersekutu dengan musuh dan mempraktikkan dasar duaan, iaitu berbaik-baik dengan satu musuh dan menyerang musuh lain.

2. Strategi Memenangi Peperangan
Langkah yang disarankan oleh Kautilya dalam menghadapi musuh ialah memujuk musuh dengan mengadakan perbincangan, memujuk musuh dengan memberi rasuah, menanam benih perpecahan atau rasuah dan melancarkan peperangan jika usaha tersebut menemui kegagalan.

3. Saranan Kepada pemerintah
Pemerintah harus mengkaji kekuatan sendiri dan kelemahan musuh sebelum melancarkan serangan. Menurut Kautilya, kemampuan mengatur konspirasi lebih baik

daripada kegagahan. Komplot atau konspirasi membantu memecahbelahkan musuh tanpa melibatkan diri dalam peperangan dan mengorbankan banyak nyawa.

4. Penggunaan Kaedah Subversif

Pemerintah boleh menggunakan kaedah subversif seperti merasuah dan menghantar perisik bagi menjatuhkan pihak lawan. Kautilya menyarankan agar taktik kotor digunakan apabila peperangan menemui jalan buntu.

5. Kaedah Perisikan

Menghantar perisik bagi menjatuhkan pihak lawan. Kautilya menyyarankan agar taktik kotor digunakan apabila peperangan menemui jalan buntu.

B. Sumbangan Sun Tzu (5 isi x 2m = 10 m)

1. Strategi Anggaran

Beliau menyarankan para pemerintah melakukan kajian yang teliti sebelum melancarkan peperangan kerana ia melibatkan kehingan nyawa dan lenyapnya sebuah negara.. Lima perkara harus di pertimbangkan dalam sesuatu peperangan iaitu alasan moral, bentuk muka bumi, iklim, kepimpinan dan pengendalian peperangan.

2. Melancarkan Peperangan

Seorang panglima tentera harus memastikan kemenangan dicapai dalam masa yang singkat. Peperangan yang berpanjangan tidak memberi faedah kepada negara , sebaliknya hanya membawa kepada kemusnahan.

3. Strategi Menyerang

Seseorang pakar harus mengatur strategi untuk melawan musuh tanpa peperangan berlarutan. Panglima perang harus mengetahui kelebihan dan kelemahan diri sendiri dan musuh. Kekalahan berlaku jika ada tiga kesilapan iaitu jahil dalam ilmu peperangan, urusan pentadbiran ketenteraan dan mengarah tentera mara ke hadapan atau berundur apabila tidak patut berbuat demikian.

4. Strategi Serangan Menggunakan Api

Beliau memberi amaran yang keras supaya mengelalkan peperangan yang menggunakan apa. Strategi ini hanya digunakan dalam keadaan terdesak.

5. Strategi Menggunakan Perisikan

Musuh dilemahkan dengan menggunakan ejen-ejen perisik pihak lawan harus dilemahkan dari dalam bagi menenbusi pertahanan musuh di samping

menjalankan kegiatan subversif untuk melemahkan kekuatan musuh dan memisahkan musuh daripada sekutunya. Kegiatan subversif yang lain seperti menyebarkan khabar angin dan maklumat yang mengelirukan , merasuah pegawai dan mewujudkan keadaan tidak puas hati atau huru hara.

KESIMPULAN (2 m)

Kautilya dan Sun Tzu merupakan antara pemikir ketenteraan yang memberi sumbangan dalam bidang ketenteraan. Idea yang disarankan oleh tokoh-tokoh ini membantu pemerintah dalam usaha mengukuhkan kuasa dan melahirkan kerajaan yang mantap.Idea yang dikemukan oleh Sun Tzu mempengaruhi pemimpin barat dan dikaji oleh pakar-pakar ketenteraan China, Korea dan Jepun hingga kini. Idea beliau paling penting di Asia dan digunakan selama 200 tahun.

04. Huraikan perkembangan ekonomi komersil antara tahun 1500 Masihi sehinga tahun 1800 Masihi di Eropah Barat.

PENGENALAN. (3m)

1. Ekonomi komersil didasarkan beberapa aliran perkembangan, iaitu perubahan daripada pertanian sara diri kepada ekonomi pertanian eksport, perdagangan domestik dan perdagangan antarabangsa, industri pembuatan dan perubahan cara pengeluarannya dan akhirnya memuncak dengan munculnya ekonomi kapitalisme.

2 Tahap 1500 hingga 1800 T.M merupakan zaman perkembangan ekonomi yang menyaksikan beberapa faktor yang menggalakkan kelahiran kapitalisme di Eropah. Ia boleh dianggap sebagai zaman peralihan diantara tamatnya ekonomi feudalisme dan munculnya Revolusi industri dan kapitalisme pada tahun 1750 sehingga 1870 T.M

ISI JAWAPAN (7 isi x 3 m = 21 m)

PERKEMBANGAN EKONOMI KOMERSIL.

1. Ekonomi komersil bertitik tolak daripada **pemulihan perdagangan** di Eropah selatan dan Eropah Utara dan juga proses perbandaran di kedua – dua kawasan pada kurun ke 12 Masihi , kegiatan – kegiatan para saudagar Venice, Genoa dan Pisa di Itali Utara dan di Flanders di Eropah Utara.

2. Proses **penjelajahan dan penerokaan** pada zaman kurun ke – 15, telah mencetuskan perluasan perdagangan dengan benua Amerika Selatan dan Asia terutamanya orang -orang Sepanyol dan Portugal. Perdagangan setakat itu tertumpu kepada laut Mediterranean telah diperluaskan kepada seluruh dunia. Munculnya pelabuhan - pelabuhan baru seperti Lisbon, Bordeux, Liverpool, Bristol dan Amersterdam. Pertambahan berjenis -jenis barang - barang dagangan. Diikuti dengan pengaliran kekayaan dalam bentuk emas dan perak dari Mexico, Bolivia dan Peru ke Eropah Barat. Para saudagar dapat memperolehi kekayaan dalam bentuk kewangan yang boleh disimpan untuk masa hadapan. Jadi, menggalakkan kelahiran idea tentang pengumpulan kekayaan untuk pelabuhan masa depan untuk tujuan keuntungan serta menggalakkan konsep dan amalan spekulasi dalam pengurusan ekonomi.

3. Pertambuhan **bilangan penduduk dan perbandaran** menggalakkan perkembangan pasaran baru, peningkatan hasil pengeluaran pertanian dan kemajuan dalam bidang teknologi untuk pertanian. Misalnya Dio Flanders, Lembah Sungai Po dan England.

4. Munculnya **institusi - institusi kewangan baru** - permulaan konsep dan amalan pinjaman wang untuk perusahaan komersil dan perdagangan – terdapat pusat – pusat kewangan baru seperti Bank of Sweeden dan Bank Of England dan lain – lain bandar utama di Eropah - memudahkan kegiatan urus niaga kredit dan bil pertukaran (bil of exchange) dan penggunaan cek untuk pembayaran. Perubahan mempercepatkan perdagangan di dalam seluruh Eropah dan juga di luar.

5. Perubahan **organisasi dan sistem pengeluaran** akibat kemerosotan peranan kraf - guilds yang setakat ini menghalang pertambahan pengeluaran. Munculnya, industri - industri baru seperti perlombongan dan industri bulu biri- biri yang mampu mengubah suai dengan keadaan ekonomi baru yang lebih bergantung kepada tenaga buruh upahan. Sistem unit pengeluaran yang berpusat di sesuau kedai yang dimiliki dan dikendalikan oleh sekumpulan saudagar yang biasa dapat sokongan kewangan dari bank- bank dan juga kerajaan -kerajaan.

6. Wujudnya syarikat – syarikat kewangan yang bukan saja mempunyai **hak monopoli perniagaan** di suatu tempat tetapi juga hak politik dan pentadbiran penduduk – penduduk tempat itu. Misalnya, Syarikat Hindia Timur British dan Belanda yang muncul pada awal kurun ke – 18 T.M

7. Sehingga kurun ke-15 tidak ada sesuatu bentuk kewangan yang seragam di seluruh Eropah. Perkembangan perdagangan dan industri memerlukan suatu **sistem kewangan** yang lebih stabil dan seragam untuk memudahkan hal pengendalian ekonomi. Masalah itu diselesaikan dengan mewujudkan sistem ekonomi. Masalah itu diselesaikan dengan mewujudkan sistem kewangan yang standard dan mudah dilaksanakan untuk kepentingan penjualan dan pembelian.

8. Perkembangan ekonomi komersil juga dipengaruhi oleh **doktrin merkantalisme** : Mercantalisme menegaskan prinsip campurtangan pihak kerajaan dalam hal perdagangan demi kepentingan meningkatkan kemajuan nasional dan kewibawaan kerajaan dalam lingkungan politik. Objektif kerajaan haruslah memperluaskan kegiatan pembuatan industri, perdagangan serta memperkuatkan kedudukan perbendaharaan negara. Merkantalisme sebagai ideologi ekonomi berkembang cepat selepas kemerosotan ekonomi feudal dan munculnya monarki di Eropah Barat. Pengaruh merkantalisme adalah jelas pada kurun ke - 17 apablia soal perdagangan sering berbangkit semasa perundigan diplomasi. Pihak kerajaan juga menjadi pelindung kepada kepentingan perdagangan dengan berperang dengan negara lain atau isu ekonomi atau memberi hak - hak monopoli kepada syarikat berpiagam.

9. Perkembangan ekonomi komersil membawa kepada kewujudan **revolusi industri dan kapitalisme industri** di Eropah barat.

KESIMPULAN. (1 m)

Perkembangan ekonomi pada abad ke 15 – 1800 Masihi menjadi pelantar kepada perkembangan ekonomi masa kini.

05 Bincangkan kurikulum dalam sistem pendidikan dalam tamadun China.

PENGENALAN (3m)

1. Pendidikan boleh didefinisikan sebagai kegiatan yang terancang dan sistematik terhadap perkembangan rohani dan jasmani untuk menjalankan kehidupan yang sempurna.
2. Kurikulum pula boleh diertikan sebagai segala kegiatan yang berlaku di dalam bilik darjah termasuklah pengajaran, pembelajaran, dan penilaian.
3. Matlamat kurikulum adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai perkembangan menyeluruh meliputi aspek-aspek ekonomi, sosial, politik, jasmani, emosi, rohani, estetika dan etika.
4. Pendidikan China berkembang sebelum Masihi lagi dan banyak dipengaruhi ajaran ahli falsafah seperti Confucius, Lao Tze dan Chuang Tze.

ISI JAWAPAN (7 X 3 m=20m)

Kurikulum di sekolah-sekolah China dibahagikan kepada tiga tahap iaitu kurikulum rendah, menengah, dan tinggi.

1. Kurikulum Rendah:

a. Pada peringkat sekolah rendah, murid-murid akan mempelajari huruf-huruf penting dan menghafal sembilan buku suci.

b. Untuk mengenal huruf, pelajar-pelajar harus mempelajari enam buku teks, iaitu :
   i. San-tsz King (Trimetrical Classic)
   ii. Pih Kio Sing (Century Of Surnames)
   iii. Tsien Tsz-Wan (Essay On Thousand Characters)
   iv. Yiu Hioh Shi-tieh (Odes For Children)
   v. Hiao King (Fillial Duty)
   vi. Siao Hioh (Juvenile Instructor)

c. Selepas mempelajari buku-buku teks, pelajar-pelajar dikehendaki membaca sembilan buah buku suci, iaitu Five Classics dan The Four Books.

d. Pendidikan formal peringkat rendah bermula ketika kanak-kanak mencapai usia tujuh tahun. Mereka dihantar ke sekolah tokong, kampong, komunal atau persendirian.

e. Para pelajar juga dikehendaki menghafal teks-teks di luar kemampuan mereka tanpa memahami maksudnya sebagai persediaan peperiksaan rasmi negara.

2. Kurikulum Menengah dan tinggi :

a. Di peringkat sekolah menengah, pelajar-pelajar diberikan latihan menulis karangan, kesusasteraan dan pengajian esei.

b. Kandungan pelajaran di sekolah tinggi ialah menterjemah buku-buku suci dalam bahasa China Moden, menjelaskan kandungan buku suci dan menulis esei.

c. Kuliah tentang buku Five Classics dan The Four Books diberikan di akademi persendirian dan awam. Selepas itu, pelajar-pelajar diberikan latihan menulis karangan dan sajak daripada topik-topik yang dibincangkan.

3. Kurikulum peringkat ijazah :

d. Setelah tamat pendidikan menengah dan tinggi, pelajar akan menduduki peperiksaan Awam Kerajaan. Pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan awam kerajaan akan diberikan ijazah.

e. Ijazah yang dianugerahkan terdiri daripada tiga peringkat, iaitu Ijazah Pertama (setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda), Ijazah Kedua (setaraf dengan Ijazah Sarjana), dan Ijazah Ketiga (setaraf dengan Doktor Falsafah).

f. Peperiksaan di peringkat yang paling tinggi ialah di ibu kota empayar dengan kehadiran Maharaja China. Para lulusan peperiksaan ini akan dianugerahkan ijazah yang dikenali sebagai Chin-Shih. Manakala tiga orang daripada kalangan lulusan ini akan dilantik sebagai Chuang Yuan iaitu tiga ahli akademik terkemuka Empayar China.

g. Di samping itu, sebuah badan penasihat yang terdiri daripada kalangan para lulusan Chin-Shih dibentuk.

B. Kesimpulan (2m)

a. Ternyata kurikulum yang diperkenalkan bukan sahaja untuk memajukan seseorang individu sahaja, tetapi untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan diterapkan dengan nilai-nilai yang baik.
b. Apa-apa yang berkaitan.

***** Jawapan secara impression**

06. Jelaskan sumbangan bidang ilmu matematik dalam tamadun Mesir dan Mesopotamia kepada perkembangan tamadun manusia.

PENDAHULUAN

2. Konsep ilmu Matematik
3.
4. Latar belakang tamadun Mesir

5. latar belakang Tamadun Mesopotamia

ISI JAWAPAN

TAMADUN MESIR (5 isi x 4m = 20m)

1. Pada mulanya orang Mesir lebih memberi penekanan kepada aspek praktikal daripada teori . Iini kerana pengetahuan tentang ilmu matematik di Mesir terhad kerana formula –formula penting hanya diketahui oleh golongan paderi dan formula tidak ditulis untuk diketahui umum.

2. Sejarah matematik di Mesir mula diketahui pada tahun 2100 S.M. apabila golongan paderi menemui formula-formula penting ilmu matematik . Bahan-bahan yang tertulis di atas tembok batu , kertas , kayu , kulit dan serpihan tembikar merupakan bukti asas permulaan ilmu pengetahuan matematik.

3. Tulisan yang digunakan dikenali sebagai *hieroglif* . Selain itu tulisan *heraktik* dan *demotik* juga digunakan. . Simbol-simbol diguna untuk melambangkan angka yang digunakan dalam matematik sehingga sekarang ini.

4. Buku-buku yang mengandungi maklumat dan huraian tentang matematik yang dihasilkan pada zaman kerajaan Pertenghan ialah *Papyrus Ahmes* atau *Rhind Papyrus* dan Moscow Papyrus . Buku tersebut mengandungi Buku ini mengandungi maklumat satu siri masalah geografi dan matematik yang boleh dijadikan rujukan semasa mentafsirkan pendapatan dan pekerjaan di pejabat perbendaharaan , pengurusan kawasan pertanian , kapasiti jelapang penyimpanan bijirin dan perniagaan.

5. Sistem perpuluhan (decimal system) dan penggunaan sistem digit berasingan mula digunakan menjelang zaman Dinasti pertama.

6. Pada awalnya orang Mesir tidak mengetahui angka sifar dan sistem angka perpuluhan. Dalam pecahan angka, perbilangan yang digunakan adalah 1. Contohnya 5/8 ditulis sebagai 1/8,1/8,1/8,1/8,1/8. Namun demikian , 3.4 dan 2/3 juga digunakan.

7. Pengiraan matematik Tamadun Mesir terhad kepada campur dan tolak. Bahagi dan darab dilakukan dengan menggunakan kaedah penambahan.

8. Bidang geografi , mereka dapat mengetahui teori-teori yang asas. Mereka mempunyai kemahiran dalam mengukur luas permukaan yang berbentuk segi empat tepat , segi tiga dan trapezium dan isi padu piramid.

9. Pengetahuan matematik juga digunakan untuk tujuan prraktikal seperti dalam pembinaan piramid dan mengukur keluasan sesuatu kawasan.

TAMADUN MESOPOTAMIA (5 isi x 2m =10m)

1. Sistem angka wujud dan digunakan dalam tamadun Mesopotamia sejak pemerintahan Hammurabi lagi. Angka yang ditulis dilambangkan oleh duta simbol baji iaitu :
   [i] V bersamaan dengan 1
   [ii] < bersamaan dengan 10
   Tamadun Mesopotamia juga tidak menggunakan angka sifar

2. Sistem perpuluhan dan sistem perenampuluhan digunakan oleh orang-orang Mesopotamia dalam penulisan angka.

3. Orang Mesopotamia membahagikan lilitan bulatan kepada 360 bahagian yang menjadi asas pengiraan luas bulatan iaitu 360 darjah. Mereka juga memiliki formula untuk mengukur isi padu sfera dan keluasan tanah.

4. Maklumat ilmu matematik Mesopotami terkandung dalam dua teks matematik iaitu Table Text dan Problem Text.

   (i) Table Text – Senarai nombor yang disusun dalam urutan tambah , tolak , darab dan bahagi
   (ii) Problem Text – Berkaitan dengan masalah pendaraban , penyalingan , koefisien , pengimbangan dan pengurusan akaun sera latihan penyelesaian matematik.

5. Ilmu matematik adalah pengetahuan yang praktikal bagi orang Mesopotamia yang penting dalam projek pembinaan , istana dan rumah berhalla .

Kesimpulan

Ilmu matematik amat penting dalam kehidupan manusia. Penemuan formula-formula baru dalam bidang matematik memesatkan lagi perkembangan tamadun manusia. Sumbangan bidang matematik Tamadun Mesir dan Mesopotamia dilengkapkan lagi untuk mempertingkatkan taraf penggunaanya agar sesuai dengan semua bidang. Sumbangan ini merupakan asas perkembangan ilmu matematik moden yang diamalkan pada hari ini.

07. Huraikan sumbangan Marco Polo dan Ibn Batuttah dalam bidang penjelajahan dan penerokaan kepada perkembangan tamadun manusia.

PENGENALAN (3m)

1. Konsep Penjelajahan dan penerokaan
2. Pelayaran Marco Polo - Penemuan – penemuan Marco Polo telah berjaya meningkatkan Pengetahuan geografi sejak Ptolemy. Marco Polo pada kurun ke – 13 Masihi telah menyeberangi Asia Tengah melalui Jalan Sutera sehingga ke Negeri China. Ia berkhidmat dengan Maharaja Kabul Khan selama 17 tahun dan mendapat banyak peluang untuk menyaksikan keadaan sosial dan ekonomi China terutamanya Cambaluc. Kebesaran dan kegemilangan China di bawah pemerintah Mongul adalah tercatat dalam bukunya "The Travels of Moroco Polo.
3. Pelayaran Ibnu Batuttah – berketurunan arab berasal dari maghribi. Nama sebenar ialah Muhamad bin Abdullah. Beliau memulakan pelayarannya ketika berusia 21 tahun dan hasil pengembaraannya dalam bidang buku Rihlah.

ISI JAWAPAN
<u>Sumbangan Marco Polo kepada perkembangan Tamadun Manusia</u>.
(5 isi x 2m = 10 m)

1. Penemuan – penemuam Marco Polo dapat memberi sumbangan kepada **peningkatan ilmu Geografi**. Bukunya *The Travels of Marco Polo* menjadi sumber rujukan banyak negara di Eropah terutamanya Portugal dan Sepanyol. Penterjemahannya dibuat ke dalam bahasa Latin, Jerman, Sepanyol dan Inggeris. Buku ini juga mengandungi maklumat tentang kekayaan negara China , saiz negara serta jiran –jirannya yang terkaya.

2. Mencetus dan menggalakkan dalam pengembaraan khususnya penerokan Portugal dan Sepanyol. Buku Marco Polo dijadikan garis panduan untuk mendorong pengembara dan Mubaligh Eropah seperti Christopher Columbus mencari jalan laut ke China dengan merentasi lautan Atlantik pada tahun 1494 Masihi .

3 *The Travels of Marco* Polo berjaya mencetuskan imginasi dan mengubah prespektif mental orang Eropah. Ia telah mencetuskan suatu revolusi dalam pemikiran dan konsep geografi yang membawa kepada penghasilan **peta – peta** saintifik yang jauh lebih tepat daripada Ptolemy.

4 Penemuan dan penulisan Marco Polo telah membawa perubahan besar dan membuka mata orang Eropah dalam menggalakkan semangat baru kepada pengembaraan dari Portugal dan Sepanyol seperti Henry The Navigator menjelajah ke kawasan di luar Lautan Mediteranean..

5 Karyanya *The Book of Marco Polo* memberi maklumat kepada orang Eropah tentang **keajaiban hal-hal ketimuran** termasuk tentang penggunaan asbestos , pembakaran arang, penggunaan wang kertas dan kemajuan pencetakan. Kesemua maklumat ini mempengaruhi masyarakat Eropah dalam usaha mengembangkan institusi kewangan di Eropah.

6 Penemuan Marco Polo telah mempercepatkan hubungan antara Eropah dengan Negeri China. Mubaligh – mubaligh Khatolik dan saudagar – saudagar Itali telah banyak melawat negeri China. Antaranya ialah Giovanni de Montecorvino, Marignolli dan Pegolotti. Orang Eropah juga menjelajah lebih jauh sehingga sampai ke kawasan Asia Tenggara.

7 Hubungan yang erat juga memperkenalkan budaya masyarakat Eropah konsep percetakan, penggunaan kertas dan terutamanya konsep wang kertas. Maklumat ini juga mempercepatkan lagi pertumbuhan dan **perkembangan ekonomi** keewangan bertujuan eksport di kawasan Eropah barat.

Sumbangan Ibnu Battutah Kepada Perkembangan Tamadun manusia.
(5 isi x 2m = 10 m)

1. Ibnu Battutah berjaya mengembara hampir ke semua negara Islam termasuk Mesir, Syria, Iraq, Iran, India semasa pemerintahan Muhammad Ibn Tugluq, anatolia, Chia dari Chuan Chaou ke Peking, Kepulauan Nusantara dan juga Constantinopel. Adalah diaktak bahawa ia telah mengembara sejauh 75, 000 batu diantara tahun 1325 hingga tahun 1353 Masihi.

2. Kepentingan sumbangan Ibnu Battutah bukan sahaja dari segi pertambahan Ilmu, yang lebih penting ialah dari segi sumbangan bidang **pensejarahan .** Beliau berjaya menemui ramai pemerintah, wazir dan juga pegawai – pegawai tinggi yang majoritinya boleh dipastikan dengan sumber – sumber lain.

3. Hubungannya dengan mereka tercatat dalam buku ***Rihlah Ibn. Batutta*** yang boleh dianggap sebagai dokumen sejarah. Dalam buku itu aspek – aspek sosial, ekonomi dan politik boleh didapati terutamanyaa yang berkait dengan dunia Islam. Banyak diketahui tentang sejarah Anatolia, India di bawah pemerintahan Muhammad Tughluq, Afrika Timur dan Barat dan Maldives.

4. Karya al Rihlah telah mendapat tumpuan para sarjana Barat seluruh dunia . Buku ini juga diterjemahkan kepada beberapa bahasa lain seperti bahasa Inggeris , Perancis , Belanda dan Jerman dan lain-lain. .Dalam bahasa Inggeris lebih dikenali sebagai *The Trravels of Ibn-Batuta* yang disahanan oleh Profesor H.A.R. Gibb.

5. Penulisan Ibn Batutta banyak mempengaruhi perkembangan dan pertambahan bidang ilmu geografi . Mereka dapat menggunakan maklumat ini untuk

memperbaiki jalan pelayaran ke Timur supaya sampai dengan mudah dan cepat. Penulisannya juga memberi idea baru kepada pengembarra – pengenmbara lain mengikuti jejak langkahnya. Ianya juga menimbulkan semangat mengembara di kalangan masyarakat seluruh dunia.

6. Kejayaan ekspedisi pelayarannya juga telah menmbulkan semaangat mengembara dan mendorong para pelayar Iislam untuk mengikut jejak langkahnya seperti tokoh Ibn. Hawqal , Sulayman al Mahri dan sebagainya . Misalnya , Sulaiman al Mahri telah berjaya merentasi lautan antarabangsa seperti peraiaran mediteranean , lautan Pasifik , Lautan atlantik melaluii selat Gibraltar.

7. Di Contantinople beliau telah mencatat tentang keindahan kota yang dilengkapi dengan pasar atau gudang membeli belah , jalanraya yang indah yang dibina daripada batu , kewujudan sebuah gereja besar yang dikenali sebagai Gereja Sancta Sophia di tengah-tengah kota berkenaan. Pasai pula dicatatkan sebagai kawasan yang subur yang dipenuhi dengan pokok kelapa , cengkih , gaharu dan lainnya.

KESIMPULAN (2m)

Sumbangan kedua – dua pengembara memang memberi suatu asas untuk manusia melangkah ke arah kemajuan dan perkembangan tamadun manusia. Marco Polo dapat memperluaskan pengetahuan dalam bidang Geografi yang mendorongkan perluasan pengaruh Eropah ke Asia dan benua Amerika. Manakala sumbangan Ibnu Batuttah bukan saja dalam bidang geografi tetapi juga memperkayakan pensejarahan terutamanya dunia Islam. Ia dikenali sebagai The Traveller of Islam.

08. Bandingkan ciri-ciri utama seni bina pada zaman empayar Rom dengan tamadun Islam.

PENGENALAN (3m)

1. Konsep seni bina.

   a. Maksud seni bina ialah kecekapan merancang dan membuat bangunan yang indah sesuai maksud dan tujuan.
   b. Seni bina melibatkan peralatan,kekukuhan dan memberi kesenangan dan keselesaan kepada pemilik .

2. Latar belakang seni bina Rom - dipengaruhi oleh seni bina Etruscan dan Yunani.

3. Seni bina Islam bernula sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dengan pembinaan mesjid Quba dan Nabawi.Bidang seni semakin berkembang bermula zaman Khalifah Umar al Khattab .

ISI JAWAPAN (5 isi x 4m = 20m)

1.Tujuan

Seni bina Islam

a) menitik beratkan keseimbangan pembangunan Aqidah,syarak dan akhlak.Penekanannya kepada fungsinya,iaitu untuk pembangunan insaniah (rohani,jasmani dan aqidah).
b) Dan bukan bertujuan untuk menunjukkan kebesaran dan kemegahan .
c) Oleh itu ,senibina Islam mempunyai bentuk yang sederhana dan menitik beratkan aspek kegunaan.

Seni bina Rom

a) bertujuan untuk memperkukuhkan empayar dan pemujaan kepada Maharaja.
b) Ciri-ciri bangunan dan hiasan ukirannya melambangkan kejayaan dan dan kehebatan Maharaja.
c) Ini menyebabkan maharaja-maharaja yang memerintah Rom berusaha membina bangunan yang besar.Bangunan Colosseum melambangkan kehebatan pemerintah Vespasian (Tahun 69M).

2.Kegunaan

Seni bina Islam

a) Mementingkan aspek fungsi setiap bangunan.Ruang dan hiasan seni bina masjid ,institusi pendidikan(Darul Hikmah) dan bangunanawam yang lain diselaraskan dengan fungsinya.Sebagai contoh seni bina mesjid juga mengambil kira kegunaannya sebagai pusat ibadat,aktiviti kemasyarakatan dan pusat pengajian.

Senibina Rom

a) Menekankan aspek unilitarian dengan membina bangunan awam untuk kemudahan dan kegunaan orang ramai.
b) Bangunan Coloseum merupakan sebuah teater atau gelanggang untuk pelbagai permainan.Bangunan ini boleh mengisi penuntun seramai 50,000 orang.
c) Seni bina awam yang lain ialah sarkas,kolam mandi dan saluran air(akueduk).

3.Keselesaan

Seni bina Islam

a) menekankan ruang dalam bangunan yang selesa .Mesjid dibina mempunyai ruang untuk kemasukan cahaya dan pengudaraan untuk keselesaan beribadah.
b) Sementara itu seni bina rumah kediaman,mempunyai ruang bersifat persendirian dan memisahkan kaum lelaki dan wanita

Seni bina Rom

a) bangunan Rom juga mengambil kira aspek keselesaan.
b) Kebanyakan bangunannya besar dan luas.Komplek Colosseum 150,000 orang penuntun untuk menyaksikan perlumbaan kereta kuda.

4.Struktur binaan

Seni bina Islam

a) Bangunan yang dibina kukuh dan selamat untuk masa yang lama. Masjid-masjid yang dibina di zaman Umaiyyah dan Abassiyah menggunakan teknologi tinggi dan daapat bertahan ribuan tahun.Bahan binaan seperti batu-bata dan besi.

Seni bina Rom

a) Bangunan-bangunan awam di Rom kebanyakannya dibina dengan menggunakan batu-bata dan konkrit yang kukuh.Bahan konkrit telah menjadi bahan yang standard dalam pembinaan Aqeduct.

5.Kekemasan bangunan.

Seni bina Islam

a) Di Tanah Arab mementingkan kemasan bangunan untuk memperlihatkan nilai estatika .
b) Pembinaan mesjid dizaman Bani Umaiyyah telah dihiasi dengan kemasan yang berharga .
c) Masjid Umawi telah dihiasi dengan tiang marmar dan lampu yang hiasan menarik.
d) Khalifah al-Walid telah menyempurnakan pembinaan masjid Al Aqsa dengan hiasan batu permata kuning dan hijau.Jubin merupakan hiasan yang terkenal di zaman Abbasiah.
e) Kepingan jubin merupakan hiasan yang terkenal di zaman Abbasiah. Kepingan jubin yang berkilat dan berwarna warni digunakan untuk menghiasi mihrab,dinding mesjid dan bumbung istana.

Senibina Rom

a) sama juga dengan seni bina Islam dihiasi dengan kemasan marmar dan mozek.
b) Bangunan Pantheon yang dibina oleh Maharaja Hadrian (125M) telah diperkenalkan dengan hiasan mozek dan lapis dinding daripada batu marmar.

6.Reka bentuk

Seni bina Islam

a) Melambangkan ketaatan kepada Allah.
b) Bercirikan luahan perasaan , keamanan dan tidak bertentangan dengan kerohanian.
c) Reka bentuk masjid dilengkapi dengan mihrab , kubah dan menara.
d) Kebanyakan kubah berbentuk oval dan melengkung
e) Bulan sabit dan bintang menjadi lambing kesenian islam di puncak masjid dan istana

Seni bina Rom

a) Dipengaruhi seni bina Yunani dan Asia.
b) Bangunannya terdiri daripada binaan pintu gerbang , bumbung yang melengkung , arked , kubah , tiang dan bangunan bandar.
c) Pantheon merupakan sebuah kuil berbentuk kubah yang tidak disokong oleh tiang

7.Hiasan tulisan dan Ukiran

Seni bina Islam

a) Bahagian dalam dihiasi dengan ukiran yang tidak bertentangan dengan akidah dan akhlak islam.
b) Tulisan khat dan corak aan larat menjadi motif ukiran yang terkenal.
c) Masjid Suriah dihiasi dengan ukiran khat ayat al-Quran yang indah

Seni bina Rom

a) Bangunan dihiasi dengan ukiran portrait dan ukiran timbul
b) Zaman Augustus dan Claudius , tempat pemujaan , tiang bangunan dan pintu gerbang dihiasi dengan ukiran timbul portrait yang menggambarkan kemenangan dan pencapaian Rom.
c) Antara ukiran bangunan ialah Imperial Processions dan Spoils From The Temple In Jurusalem.

Kesimpulan (2 m)

Apa sahaja yang berkaitan

- Perbandingan antara A dan B dalam satu aspek atau isi dalam satu perengan dengan menggunakan penanda wacana banding.

09 Huraikan kepercayaan dan keagamaan masyarakat Arab Jahiliah dan Islam.

PENDAHULUAN (3 m).

1. Maksud agama dan kepercayaan .
2. Latar belakang zaman Jahiliah.
3. Latar belakang zaman Islam

ISI JAWAPAN

KEAGAMAAN ARAB JAHILIYAH (5 Isi x 2 = 10m)

Agama Wathani adalah agama ciptaan manusia menjadi agama utama kepada orang orang Arab jahiliah. Ada beberapa cara anutan dikalangan mereka, iaitu:

1. Penyembahan Berhala (wathani)

Orang Arab Jahiliah menyembah berhala .Terdapat sebanyak 360 buah berhala di sekeliling kaabah. Diantara yang terkenal ialah Al-Latta, Al- Uzza dan Al-Manat (tiga orang puteri tuhan. Burnagat (Tuhan yang membawa kebaikan), jahanam (tuhan pembawa kecelakaan) Hubal (tuhan yang menyerupai manusia) widdah (berbentuk wanita) Yaghus (berbentuk lembu jantan atau singa) Yang (berbentuk kuda) dan sebagainya.

2. Penyembahan Cakerawala.

Mereka menyembah matahari, bulan, bintang dan sebagainya. Mereka percaya bahawa cakrawala sebagai sumber segala kehidupan dan kuasa. Matahari untuk kegiatan hidup di siang hari, bulan untuk perjalanan pada waktu malam dan membolehkan ternakan makan. Bintang dijadikan pedoman perjalanan pada waktu malam.

3. Polidemonisme atau penyembahan jin dan dewa – dewa.

Agama ini diamalkan oleh mereka yang mengamalkan ajaran sihir. Ada juga antara mereka menyembah malaikat yang dianggap berjantina lelaki dan perempaun. Mereka dianggap sebagai perantaran (Al- Quraan, Surah 43 : ayat 19)

4. Majusi / api (Zoroster)

Agama ini berasal dari Parsi yang mempunyai dua tuhan iaitu tuhan baik dan tuhan jahat. Penganutnya mempercayaai bahawa api mempunya dua konsep iaitu api sebagi penerang dan api sebagai pemusnah.

5. **Penyembahan Tuhan Padang Pasir.**

Penganutnya dikenali sebagi ahl al- saf. Mereka berjalan – jalan di tengah padang pasir pada waktu malam dengan membawa api sambil bergendang dan bernyanyi – nyanyi sesama mereka.

6. **Animise.**

Penganutnya menyembah objek yang dianggap ganjil dan yang membawa untung atau yang menggerunkan di persekitaran mereka seperti batu – batan, pokok – pokok besar, air, api, binatang, padang rumput dan lain – lain lagi.

7. **Kepercayaan Tahyul.**

Kepercayaan ini berhubung kait dengan ketuhanan, penyembahan dan suci antaranya:

a. mempercayaai tangkal azimat.
b. Roh orang yang mati menjadi seekor burung.
c. Mempercayaan binatang yang melintas di tengah – tengah perjalanan, kalau ke kanan membawa kebaikan, kalau ke kiri membawa kecelakaan.
d. Mengikat tali pada mana – mana pokok. Jika ikatan tersebut terurai sekembalinya suami dari perantauan, ini menandakan bahawa isterinya telah berlau curang.
e. Mengorbankan anak perempuan yang merupakan perbuatan yang mulia.
f. Percaya kepada ahli nujum dan tukang tenun.
g. Percaya kepada nasib dan sihir.
h. Membuat keputusan melalui anak panah (al – azlam) yang diletakkan berhampiran dengan al – Hubal.

8. **Agama Yahudi.**
Diasaskan oleh nabi Musa a.s. melalui wahyu atau kitab taurat tetapi telah diselewengkan.

9. **Agama Nasrani**
Dibawa oleh nabi Isa dengan kitab suci Injil. Kaumnya telah mengubah isi kandungan Kitab suci Injil .

10. **Agama Hanif (ajaran Nabi Ibrahim)**

KONSEP KEAGAMAAN MENURUT PANDANGAN ISLAM. (5 x 2m = 10m)

1. Terdapat dua ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w iaitu di Mekah dan di Madinah .
   Di Mekkah - Ajarannya berbentuk Tasyri Kulli (ajaran secara umum) sebagaimana yang termaktub di dalam al – Quraan melalui surah – surah Makkiyah sebayak 93 surah. Ia menyentuh mengenai Hablum Minallah (Hubungan antara Hamba dengan Allah) iaitu berhubung dengan akidah, keimanan, akhlak dan peribadatan.
   Di Madinah - Ajarannya berbentuk Tasyri' Juz'i (ajaran secara umum), sebagaimana disebut di dalam 21 surah Madaniyyah. Ia menerangkan persoalan Hablum Minanas (Hubungan antara individu, manusia dengan individu yang lain) iaitu berhubung dengan kenegaraan, ekonomi, kemasyarakatan dan lain – lain lagi.

2. Aspek akidah

   Tauhid : mengesakan Allah s.w.t sebagai tuhan yang berhak disembah, memiliki segala sifar kesempurnaan, berkuasa mencipta alam semesta. Dengan sendirinya menolak segala ajaran anthropomorphisme iaitu segala bentuk penyembahan berhala dan penyamaan tuhan dengan makhlukNya.

3. Mempercayai rukun iman, beriman kepada allah, kepada Malaikat kitab – kitab Allah, para Rasul, hari kiamat dan Qada dan Qadar yang telah ditetapkan oleh Allah.

4. Manusia mempunyai tanggungjawab terhadap amalan diri sendiri. Mempercayai bahawa syurga adalah tempat kediaman di akhirat nanti bagi mereka yang mematuhi perintah Allah dan negara yang tidak mematuhi peraturan Allah.

5. Perkara – perkara selepas mati : mempercayaai adanya alam barkhzah (kubur) hari nisab, hari kiamat, titian siratul mustaqim, nikmat dalam syurga dan lain – lain lagi. Di dalam ajaran islam ini, umat islam boleh terus beribadat kepada Allah dengan mendirikan sembahyang lima wakyu sehari semalam. Semua bentuk penyembahan dilarang melakukan perantaraan.

6. Aspek syariah Ajaran ini membezakannya dengan ajaran – ajaran jahiliah kerana ia membentuk cara hidup sendiri melalui syariah – syariah yang merupakan undang atau tatacara bagi manusia hidup sementara di bumi ini. Di dalam syariah terdapat pelbagai bentuk peraturan yang diturunkan oleh Allah melalui wahyuNya kepada Rasullah s.a.w. hanya mengamalkan peraturan dan undang – undang ini sahaja yang terselamat dari kesesatan di dunia dan beroleh keberuntungan di akhirat kelak.

7. Aspek akhlak iaitu peraturan yang menegah umat Islam khasnya dan umat manusia amnya supaya tidak melakukan kejahatan dan tidak berperikemanusiaan

seperti merompak, mencuri, membunuh, menyakiti hati jiran, berzina dan sebagainya. Dengan melaksanakan tiga aspek ajaran Islam ini sahaja, barulah umat Islam secara individu atau masyarakat boleh dianggapkan beriman kepada Allah, rasul Nya dengan sebenar - benarnya. Aspek - aspek ini telah membezakan keagamaan setiap penganut Islam dengan keagamaan orang - orang Jahiliah sebelum Islam.

KESIMPULAN : (2m)

Orang Arab Jahiliah tidak mempunyai peraturan hidup yang jelas, hanya mengikut nafsu semata-mata. Allah telah menurunkan agama Islam sebagai agama kepada manusia seluruhnya.

10. Jelaskan isi kandungan Sahifah Madinah dan kepentingan Piagam tersebut dalam pentadbiran Nabi Muhammas s.a.w di Madinah .

PENGENALAN (3 MARKAH)

1. Piagam Madinah atau Sahifah Madinah merupakan sebuah perlembagaan bertulis yang telah dirangka oleh Nabi Muhammad (saw) pada tahun 622 M, berpandukan wahyu Allah. Piagam Madinah menjadi asas pemerintahan kerajaan Islam Madinah yang terdiri daripada masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam. Piagam ini mencatatkan tentang peraturan, tanggungjawab ketua negara dan rakyatnya, serta dirangka berasaskan persetujuan orang Islam (Muhajirin dan Ansar) dan orang bukan Islam (Yahudi dan suku Arab yang lain).

2. Pembentukan Piagam Madinah 622 M (1H) telah dipersetujui oleh orang Islam dan orang bukan Islam khususnya golongan Yahudi. Piagam Madinah mengandungi 47 fasal. Daripada 47 fasal itu, 23 fasal membincangkan hubungan di kalangan orang Islam dan tanggungjawab mereka. Sementara 24 fasal lagi adalah tentang tanggungjawab orang bukan Islam termasuk orang Yahudi terhadap negara Madinah.

3. Piagam Madinah berbeza dari tulisan-tulisan dan peraturan pemerintah sebelum ini kerana perlembagaan ini ditulis oleh pemimpin iaitu Nabi Muhammaad saw untuk diguna pakai oleh rakyat Madinah.Piagam ini merupakan satu undang-undang tertinggi di Madinah, selain itu Al-Quran dan Al-Sunnah menjadi tatacara pemerintahan di negara kota itu.

ISI JAWAPAN:

KANDUNGAN PIAGAM MADINAH – (4 isi x 2m = 8)

Beberapa aspek utama Piagam Madinah ialah :

1. Rasulullah diiktiraf sebagai **ketua negara** Madinah yang wajib dipatuhi dan dihormati. Sebarang masaalah mesti merujuk kepada ketua negara untuk diselesaikan. Walau bagaimanapun ketua kaum masih mempunyai hak untuk menyelesaikan sendiri masalah jika difikirkan patut dan mampu diselesaikan betul.

2. Semua penduduk Madinah hidup sebagai **satu ummah** dan tidak terpengaruh dengan elmen luar yang tidak baik.

3. Semua penduduk **mesti bersatu padu, bekerjasama , tolong menolong di antara satu sama lain .**

4. **Wahyu dan tradisi** yang tidak bertentangan dengan syarak menjadi sumber Piagam.

5. **Kebebasan beragama.** Semua penduduk diberi kebebasan mengamalkan agama masing-masing tanpa ada sekatan,gangguan dan paksaan..

6. **Keselamatan penduduk dijamin** pemerintah selagi mereka mematuhi perlembagaan tersebut.

7. **Bertanggungjawab mempertahankan negara** dari ancaman musuh.

KEPENTINGAN PIAGAM MADINAH (6 isi X 2m = 12m)

1. Rasulullah menjadi Ketua Negara.

Penerimaan Rasulullah sebagai Ketua Negara telah menaikkan kedudukan baginda sebagai pemimpin dalam sebuah negara yang mana penduduknya terdiri daripada pelbagai bangsa. Baginda mempunyai kuasa untuk memutuskan apa-apa dasar negara dan menyelesaikan masalah yang timbul dari semasa ke semasa.

2. Pengekalan Struktur Kekeluargaan Masyarakat Madinah

Pengekalan tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam di samping pengubahsuaian sebahagian daripadannya sejajar dengan hukum Islam. Ketua-ketua kaum tetap mempunyai autoriti terhadap kaumnya dan Rasulullah sebagai Ketua Hakim akan memutuskan hukuman terhadap kesalahan-kesalahan yang di luar bidang kuasa ketua kaum berkenaan.

3. Hidup Bermasyarakat

Orang-orang Islam diwajibkan hidup bermasyarakat sesama mereka secara aman dan hendaklah membantu saudara seagama dan ditegah membantu dan berpihak kepada pihak musuh.

4. Penyatuan Ummah

Piagam Madinah telah menyatukan kaum-kaum atau suku-suku yang sebelum ini sentiasa berselisih faham misalnya Auz dan Khazraj, Ansar dan Muhajirin.

5. Kegiatan Ekonomi

Memberi kebebasan kepada semua pihak untuk menjalankan aktiviti ekonomi selagi tidak bercanggah dengan perlembagaan. Hal ini untuk mengelak penguasaan penuh (monopoli) orang Yahudi terhadap ekonomi Islam di Madinah seperti mana penguasaan ekonomi oleh Quaraisy di Makkah.

6. **Kebebasan Berdagang**
   Kebebasan yang diberikan menarik minat pedagang-pedagang luar datang ke Madinah. Akhirnya Madinah menjadi pusat perdagangan penting di Semenanjung Tanah Arab. Dengan itu, umat Islam telah beransur-ansur menguasai ekonomi Madinah dan kawasan di sekitarnya.

7. **Kebebasan Beragama**
   Dengan kebebasan ini, orang Islam bebas mengamalkan ajaran Islam tanpa gangguan atau sekatan. Hal ini memberi peluang orang bukan Islam mendekati orang Islam seterusnya berminat dengan ajaran Islam apabila memerhati akhlak dan personaliti dan disiplin umat Islam melakukan aktiviti harian termasuk amal ibadat.

8. **Wujud negara Islam Madinah**
   Orang Yahudi secara tidak langsung mengiktiraf kewujudan Islam sebagai satu agama dan Madinah sebagai sebuah negara Islam dengan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai pemimpin. Sebelum ini, perkara ini ditolak oleh mereka.

9. **Hak Keselamatan Terjamin**
   Keselamatan penduduk tanpa mengira agama atau kaum akan terjamin selagi mereka patuh kepada Piagam Madinah. Pihak yang cuba mengkhianati piagam akan diambi tindakan termasuk memerangi, menghalau atau membunuh jika terpaksa. Contohnya Bani Qainuqa' dihalau dari Madinah dan perang diisytiharkan terhadap mereka.

KESIMPULAN (2 markah)

Piagam Madinah terbukti piagam bertulis pertama di dunia dan merupakan undang-undang terbaik yang mesti diikuti oleh mana-mana negara. Rasulullah dengan bijaknya telah membuktikan kesempurnaan piagam ini dan seterusnya membuktikan kepada dunia bahawa peraturan Islam berlandaskan al-Quran memberi kebaikan dan kesempurnaan kepada manusia tanpa mengira agama dan bangsa.

11. Huraikan perlaksanaan kharaj pada zaman Bani Umayyah

PENDAHULUAN (3m)

1. Maksud kharaj –cukai tanah yang dikenakan ke atas pemilik tanah yang ditakluki oleh tentera Islam secara peperangan atau aman tanpa mengira pemiliknya seorang dewasa , kanak-kanak , merdeka , hamba , muslim atau pun kafir . Hasil pungutan cukai kharaj merupakan sumber pendapatan negara yang penting.

2. Latar belakang kerajaan Bani Umayyah

ISI JAWAPAN (7 isi x 3m = 21 m)

1. **Diwan al-Kharaj** ditubuhkan pada zaman pemerintahan Muawiyah agar sistem pengurusan cukai kharaj dapat diurus dengaaan baik dan sistematik. Diwan atau Jabatan al-Kharaj merupakan jabatan khas yang ditubuhkan pada zaman Bani Umayyah berfungsi untuk mengawal pungutan cukai kharaj.

2. **Kadar cukai kharaj** dengan kadar yang tertentu berbentuk wang atau hasil tanah daripada negara yang ditakluki oleh orang Islam.

3. **Tanah yang dikenakan kharaj** ialah tanah yang dimiliki oleh orang bukan Islam dari negara yang ditaklukinya. Contohnya jumlah wang yang dipungut di Iraq melalui cukai kharaj berjumlah lebih daripaada 100 juta dirham.

4. **Jenis tanah yang dikecualikan** daripada dikenakan cukai kharaj :

    a. Tanah milik orang yang memeluk Islam tanpa sebarang peperangan. Golongan ini hanya membayar zakat
    b. Tanah yang dimiliki oleh orang Islam secara kekerasan atau melalui peperangan dan telah dibahagikan kepada askar-askar yang berperang. Mereka hanya dikenakan usyur (satu persepuluh) tidak termasuk cukai kharaj.
    c. Tanah yang diambil daripada orang kafir secara kekerasan. Dan apabila dibahagikan kepada askar-askar yang berperang , maka mereka wajib membayar usyur (1/10) daripada hasil tanah tersebut dan mereka tidak perlu membayar cukai kharaj.

5. Muawiyah juga **melantik** beberapa orang setiausaha untuk menguruskan beberapa urusan kerajaan termasuklah urusan cukai yang digelar Katib a-Kharaj.Gabenor-gabenor juga turut dilantik disetiap **wilayah** di **Jabatan Percukaian** bagi memastikan urusan cukai diurus dengan baik dan tidak membebankan rakyat.

6. **Dasar pemusatan kuasa** telah dilaksanakan pada akhir pemerintahan Muawiyah . Beliau telah melaksanakan dasar pemusatan kuasa agar semua harta tanah adalah menjadi milik kerajaan agar segala projek kerajaan dapat diurus dengan lancar. Dasar ini telah diteruskan oleh Abdul malik bin Marwan dimana orang Islam berketurunan Arab dikecualikan daripada membayar cukai tanah.

7. Kerajaan Bani Umayyah telah memperkenalkan **pelbagai bentuk cukai baru .** contohnya semasa al-Hajjaj Yusuf Assaqafi menjadi gabenor wilayah Bani Umayyah di Iraq , beliau telah menaikkan kadar cukai kharaj dengan kadar yang tinggi yang membebankan rakyat . Ini menyebabkan ramai yang enggan membayar cukai tersebut.

8. Semasa pemerintahan **Khalifah al-Walid** , beliau telah membuat perubahan terhadap Diwan al-Kharaj . Perubahan ini membolehkan perjalanan wang dikawal dan menggalakkan keadilan dalam pungutan cukai. Beliua juga telah menaikkaan kadar bayaran bagi semua jenis cukai termasuklah Kharaj , fay dan jizyah.

9. **Khalifah Umar Abdul Aziz** telah membuat perubahan dalam sistem cukai kharaj. Beliau membezakan cukai jizyah dengan cukai tanah. Cukai jizyah ditetapkan hanya untuk orang bukan islam yang bernauung di bawah kerajaan Islam dan cukai tanah dikenaan terhadap sesiapa yang mempunyai tanah. Beliau juga melaksanakan dasar mengurangkan cukai pada kadar terendah dan mampu dibayar oleh rakyat. Diwan al-Kharaj dipengerusikan dan juga ditadbir oleh wazir.

KESIMPULAN (1m)

Sistem kharaj yang dimulakan pada zaman Khulafa al-Rasyidin telah diteruskan dan diperbaiki pada zaman Bani Umayyah. Pemerintah kerajaan Bani Umayyah telah menyumbang kepada penyusunan pentadbiran percukaian negara untuk memastikan projek dan perancangan negara berjalan dengan lancar dan ekonomi berkembang dengan mantap.

12. Bincangkan perkembangan institusi pendidikan Islam di Acheh pada abad ke - 17 Masihi.

PENDAHULUAN (3m)

1. Latar belakang Acheh - Selepas kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511,Acheh mengambil alih peranan Melaka sebagai pusat perdagangan di Alam Melayu.Acheh turut memainkan peranan sebagai pusat pengajian agama Islam yang utama di Nusantara.

2. Institusi pendidikan Islam di Acheh merupakan institusi yang tersusun dan terancang.Pendidikan asas bermula di Madrasah atau Meunasah diikuti dengan pendidikan menengah di Rangkang dan seterusnya pendidikan tinggi dijalankan di Balee.

3. Konsep pendidikan

ISI JAWAPAN (7 isi x 3 m = 21 m)

INSTITUSI PENDIDIKAN DI ACHEH

1. Madrasah atau Meunasah

1.1 Merupakan institusi pendidikan permulaan yang biasanya didirikan di setiap kampung
1.2 Para pelajar diajar membaca al- Quran,membaca dan menulis huruf Arab & belajar perkara-perkara asas dalam Islam
1.3 Selain itu,para pelajar turut mempelajari ilmu fardu ain seperti Rukun Iman, Rukun Islam,feqah,ibadat & akhlak.
1.4 Para pelajar juga dilatih bernasyid iaitu berhubung dengan agama yang dinakan dike (zikir) atau (salawat) pada setiap malam Jumaat
1.5 Anak-anak yang khatam al- Quran diajar beberapa kitab agama yang ditulis dalam bahasa Jawa & Acheh seperti Kitab Perukunan dan Risalah Masailal al- Muhtadin.
1.6 Sejarah Islam juga diajar dengan cara bercerita

2. **Masjid**.

2.1 Berfungsi sebagai pusat pendidikan dan juga pusat kegiatan umat Islam.
2.2 Merupakan pusat pendidikan yang bersangkutan dengan pendidikan peringkat menengah pertama.
2.3 Beberapa masjid dinaiktaraf menjadi pusat pendidikan tinggi seperti Masjid Baiturahman.

3. **Rangkang**
   - Untuk melanjutkan tahap rangkang yang bergantung kepada tahap ilmu yang dimiliki oleh guru yang mengajar.
   - Para pelajar mendirikan pondok-pondok kecil mengelilingi masjid yang dijadikan asrama.
   - Terdapat beberapa tahap rangkang yang bergantung kepada tahap ilmu yang dimiliki oleh guru yang mengajar.
   - Murid yang pintar kebiasaannya berpindah dari saru rangkang ke rangkang yang lain untuk mengikuti pelajaran daripada guru yang lebih mahir.
   - Ada antara pelajarnya yang melanjutkan pelajaran ke Makkah,India dan Mesir.
   - Rangkang yang terkenal ialah yang terletak di Banda Acheh Barussalam.
   - Banyak ulama yang terkenal dari luar negara datang mengajar di situ & pelajar-pelajarnya juga datang dari pelbagai daerah.
   - Mata pelajaran yang diajar ialah Feqah,Ibadat,Tasawuf,Sejarah Islam dan Sejarah Dunia dan juga Bahasa Arab yang juga banyak digunakan .
   - Ilmu umum turut diajar seperti Geografi,Sejarah & Matematik.

4. **Dayah**.
   - Di Acheh,Dayah disamakan dengan Sekolah Menengah Atas di Indonesia atau Madrasah Aliyah.
   - Hampir setiap daerah naggore (negeri) terdapat dayah.
   - Terdapat dayah yang berpusat di masjid bersama rangkang tetapi kebanyakan dayah berdiri sendiri diluar lingkungan masjid dengan menyediakan sebuh balai utama iaitu aula yang digunakan sebagai tempat belajar sembahyang.
   - Pusat Pengajian Tinggi Dayah Cot Kala merupakan pusat pengajian Islam tinggi yang pertama di Asia yang telah melahirkan banyak ulama yang menjadi pendakwah Islam di Nusantara.
   - Semua mata pelajaran diajar dalam bahasa Arab dengan menggunakan kitab-kitab dari Arab.
   - Dua jenis dayah iaitu dayah bersifat khusus dan dayah bersifat umum. Dayah bersifat khusus iaitu dayah untuk wanita sahaja,dayah yang khusus untuk mengajar dalam bidang pertanian,ilmu pertukangan ,ilmu perniagaan dan sebagainya dengan menurut syariat Islam.
   - Antara dayah yang terkenal ialah Dayah Cot Kala dan Dayah Teungku Chik.
   - Mata pelajaran yang diajar di Dayah Teungku Chik ialah bahasa Arab,Fiqh, Jinayat(hukum penjara), Fiqh Munakahat (hukum perkahwinan), Fiqh Duali(hukum tatanegara), Sejarah Islam,sejarah negara –negara,Ilmu Mantik,Tauhid/Filsafat,Tasawuf,Akhlak ,Ilmu falak,.Tafsir,Hadis dan sebagainya.

5. Balai Setia Hukama dan Balai Setia Ulama.
   - Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam telah menubuhkan Lenbaga Pelaksana Pendidikan yang terdiri daripada Balai Setia Hukama,Balai Setia Ulama dan Balai Jamaah Himpunan Ulama.
   - Balai Setia Hukama ~ tempat ulama dan ahli fikir untuk membahas perkara-perkara yang menyentuh tentang pendidikan.
   - Balai Setia Ulama~ menguruskan masalah-masalah yang berkaitan dengan pendidikan.

6. Balai Jamaah Himpunan Ulama
   Merupakan kelab perbincangan bagi para sarjana dan ulama bertukar-tukar pandangan berseminar,membahaskan masalah pendidikan dan sebagai tempat perkembangan ilmu pengetahuan.

7. Jamiah/Universiti Baiturahman
   - Masjid Baiturahman dinaiktaraf menjadi Jamiah/ Universiti Baiturahman. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam sendiri telah mendirikan Masjid Baiturahman yang digunakan semata-mata untuk dijadikan tempat menuntut ilmu.
   - Terdapat 17 dar (fakulti) seperti Fakulti Ilmu Tafsir dan Hadis,Fakulti Ilmu Kedoktoran,Fakulti Ilmu Kimia,Fakulti Pertanian,Fakulti Peperangan dan lain-lain lagi.
   - Tenaga pendidik terdiri daripada ulam atau sarjan dari Acheh dan juga Negara-negara Islam yang lain seperti Arab,Turki,Parsi,India dan lain-lain lagi.Pada zamam pemerintahan Sultan Alaidin Muda Darma Wangsa Perkasa Alam Syah (1607-1636) ,terdapat sebanyak 44 orang guru besar di Jamiah Baiturahman (A.Hasjmy)

KESIMPULAN (1m)

Kewujudan institusi ini telah melahirkan golongan ulama dan intelektual Islam seperti Syeikh Shamsuddin al- Sumatrani,Abdul Rauf Singkel, Hamzah Fansuri dan lain-lain . Perkembangan pesat sistem pendidikan di Acheh telah menjadikan Acheh dikenali sebagai Serambi Mekah pada abad ke 16 Masihi.

13. Bincangkan faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan pelbagai jenis aliran mazhab dalam Islam .

PENDAHULUAN (2m)

1 Pengertian aliran Mazhab

2 Jenis aliran mazhab spt khawarij , syiah, murjiah , muktazilah dan ahli Sunnah Wal Jamaah

3 Kesan kelahiran mazhab telah menimbulkan idea baru dan memberi ruang yang lebih luas kearah perkembangan ilmu pengetahuan serta melahirkan lebih ramai pemikir Islam.

ISI JAWAPAN (7 isi x 3m = 21 m)

1. Kefahaman dan taksiran yang berbeza tentang ayat al_Quran

   Kefahaman umat islam mengenai ayat al-Quran dan hadis pada lazimnya tidak sama disebabkan ilmu pengetahuan , kebolehan dan pengalaman mereka yang berbeza-beza. Disamping itu juga tidak semua umat islam yang hidup sezaman dengan Nabi , dapat bertemu dengan baginda dan mendengar semua hadis daripada baginda. Hal ini telah menimbulkan perbezaan pendapat antara mereka khususnya penduduk luar Madinah yang tidak pernah bertemu dengan Rasulullah. Apabila semakin jauh daripada zaman Rasulullah maka perselisihan dan perbezaan itu menjadi semakin ketara

2. Pengaruh politik semasa

   Pada akhir zaman khalifah Uthman , perselisihan di antara Bani Hasyim dan Bani Umayyah telah sampai kekemuncaknya sehingga berlaku pergeseran politik di kalangan penyokong khalifah Uthman dan Saidina Ali yang kebanyakannya dari Iraq. Pergeseran ini berterusan sehingga tercetusnya Perang Jamal dan Perang Siffin yang membawa kepada kelahiran mazhab khawarij dan mazhab syiah.

3. Pengaruh Ideologi dan kebudayaan asing

   Pengaruh bangsa asing dari bangsa Yunani , Rom dan Parsi telah menyerap masuk ke dalam masyarakat islam apabila berlakunya perluasan tanah jajahan taklukan islam.Pada zaman khalifah al-Ma'mun juga telah berlaku aktiviti penterjemahan buku-buku falsafah Yunani begitu giat dijalankan. Tujuan asalnya adalah untuk menimba ilmu pengetahuan sesuai dengan tuntutan islam. Tetapi akhirnya falsafah Yunani yang banyak menggunakan akal fikiran telah menyebabkan kelahiran mazhab muktazilah yang juga menggunakan akal fikiran dalam menginterprestasi hukum dan akidah islam

4. Semangat Assabiyyah yang masih wujud

Semangat assabiyyah sememangnya amat menebal di zaman Rasullah dan baginda telah berjaya menggantikan semangat assabiyyah dengan semangat akidah untuk menyatukan umat islam.Walaubagaimana pun semangat ini mula muncul kembali ketika perlantikan pengganti Rasulullah sebagai pemimpin umat islam. Pada zaman khalifah Uthman , api assbiyyah mula menyala kembali yang menyebabkan berlaku perecahan dan perseliusihan di antara Bani Umayyah dan Bani Hasyim. Ianya semakin marak sehingga lahirnya aliran dan puak-puak seperti puak khawarij

5. Perebutan jawatan khalifah

Perebutan ini merupakan perselisihan ummah dari segi politik yang berlaku selepas kewafatan Rasulullah. Kaum ansar dan Muhajirin pada mulanya masing-masiong mendakwa bahawa mereka berhak mengggantikan kepimpinan Rasulullah selepas kewafatan Nabi. Umat Islam juga berselisih tentang siapakah yang lebih berhak menjadi khalifah. Adakah dari kaum Quraisy sahaja atau khusus untuk keturunan Saidina Ali atau umat islam seluruhnya berhak mendapat jawatan tersebut seandainya ada kelayakan.

6. Pengaruh daripada penganut-penganut agama lain dan kemasukan mereka ke dalam islam

Selepas berlakunya pembukaan demi pembukaan jajahan baru oleh umat islam , ramai penganut agama-agama lama memasuki islam. Mereka terdiri daripada penganut agama Yahudi , Nasrani dan agama Majusi. Apabila Mereka telah memeluk agama islam , mereka telah terbawa-bawa dengan ajaran dan amalan keagamaan mereka yang sudah sebati dengan jiwa mereka terutamanya dalam soal akidah mereka .

7. Membincangkan persoalan di luar jangkauan akal

Tersebarnya pemikiran falsafah di kalngan umat islam dalam pengajian akidah telah menjerumuskan mereka ke dalam perbahasan persoalan yang berada di luar jangkaan akal manusia seperti masalah mengihthbatkan sifat Allah dan menafikannya , persoalan kekuatan hamba di samping kekuatan tuhan. Dengan membahaskan persoalan yang seumpama ini telah membuka pintu perselisihan yang luas kepada ummah islamiyyah. Ini kerana masing-masing mempunyai jalan dan manhaj yang berbeza di antara satu sama lain. Kebanyakan persoalan-persoalan yang menjadi perselisihan antara ulama dan ilmu kalam tergolong dalam kategori ini.

14. Penterjemah falsafah

Pentenjemahan ilmu falsafah Yunani telah memberi kesan yang mendalam tewrhadap perselisihan umat Islam. Kesan daripada ini , lahir ulama-ulama islam yang meniru manhaj atau idea falsafah Yunani dan Rom dalam pengkajian ilmu dan pemerhatian terhadap tabiat alam dan kejadian makhluk. Daripada mazhab ini , lahir pelbagai aliran pemikiran yang mempengaruhi pemikiran agama. Ekoran daripada itu wujud pemikir-pemikir akidah islam yang menggunakan manhaj pemikiran falsafah sebagaimana kumpulan muktazilah yang memperjuangkan ilmu kalam dan manhaj falsafah dalam pengkajian ilmu akidah.

9. Ayat-ayat Mutasyabihat dalam al-Quran
Wujudnya ayat-ayat mutasyabihat dalam al-Quran iaitu ayat yang samara-samar dan tidak terang maksudnya. Ayat-ayat ini telah membawa kepada perselisihan ulama dalam mentakwilkan atau mentafsirkannya. Perselisihan terhadap ayat-ayat ini sampai kepada tahap kafir mengkafirkan di antara satu sama lain.

KESIMPULAN (2 m)

Apa-apa sahaja yang berkaitan

14. Jelaskan sumbangan Al - Istakhri dalam bidang geografi dan pelayaran.

PENDAHULUAN (3M)

1. Al-Istakhri atau nama sebenarnya Abu Iishaq Ibrahim bin Muhamad al-Farisi al-Karhki. Beliau hidup pada abad ke 4 Masihi. Beliau merupakan seorang darippada orang Islam pertama yang membawa cara baru dalam ilmu geografi. Beliau telah menghasilkan beberapa buku yang menyumbangkan dalam bidang geografi. Beliau juga mencatatkan pengalaman beliau semasa pelayaran.

2. Konsep penjelajahan dan penerokaan

ISI JAWAPAN (7 isi x 3m = 21 m)

1. Al-Istakhri menembangkan ilmu geografi Islam melalui karyanya yang terkennal aiatu kitab al-Masalik wa al-Mamalik yang ditulis pada tahun 322 Hijrah {934M). Karyanya banyak memuatkan peta-peta dan lebih dikenali sebagai karangan peta.

2. Hasil kerjanya yang lain ialah Risalat yang menerangkan tentang negara Parsi Penulisan dan rujukan al-Istakhri berdasarkan tulisan al-Balkhi. Contohnya beliau melukis semula atlas islam yang dilukis oleh al-Balkhi dan menukarkan perkataan iklim kepada keshars yang berkonsepkan Parsi.

3. Beliau juga menghasilkan buku al-Muqaddisi yang mengandungi peta-peta yang dilukis dengan rapi tetapi huraiannya agak mengelirukan

4. Hasil kerja al-Istakhri adalah lebih maju jika dibandingkan dengan al-Bakhi. Contohnya atlas yang dilukis oleh al-Istakhri mempunyai keterangan yang lengkap. Hal ini menunjukkan bahawa beliau menggunakan kaedah saintifik terhadap pengkajian. Antara beberapa peta lengkap yang dihasilkan oleh beliau ialah peta Mesir , laut Mediterranean , Parsi , Arherbayjan dan Maghribi.

5. Hasil kerja al-Istakhri saling berhubungan. Contohnya peta Mesir oleh Ibn Hawqal dikomen oleh al-Istakhri dan beliau juga menyatakan peta Maghribi yang dilukis oleh Ibn Hawqal adalah tidak tepat.Selain itu , Ibn Hawqal turut memberi sedikit komen tentang kesilapan al-Istakhri dalam peta hasilannya iaitu peta Sind. Komen-komen yang wujud antara kedua-dua tokoh ini dapat memajukan dalam penghasilan peta.

6. Al-Istakhri juga merupakan seorang tokoh pelayaran islam. Pada awalnya beliau amat terkenal dengan peta-peta tersebut pelayarannya. Walau bagaimanapun , peta-peta tersebut mengelirukan. Misalnya peta pengembaraan semasa ke Sind.

7. Beliau digelar tokoh pelayaran islam kerana beliau banyak melawat tempat-tempat seperti di Arab , beliau pernah melawat Makkah , Iraq , Daylam , khuziztan dan Transoxiana. Selain itu beliau juga pernah melawat Sepanyol dan Sicily.

8. Beliau juga telah menggalakkan ahli pelayaran Arab yang lain belayar ke wilayah-wilayah Islam.

KESIMPULAN (2m)

Al-Istakhri merupakan seorang tokoh geografi dan tokoh pelayaran Islam yang telah banyak menyumbangkan usaha beliau dalam kedua-dua bidang ini. Walaupun terdapat huraian yang mengelirukan dalam hasil kerja beliau , tetai daya usaha beliua tetap dapat memajukan ilmu geografi.

15. Bincangkan pencapaian Tamadun India pada zaman klasik dengan tamadun Islam dalam bidang perubatan .

PENDAHULUAN (3m)

1 Tamadun India dan Tamadun Islam **mempunyai tradisi perubatan tersendiri.**Tradisi perubatan dalam Tamadun India bermula **sejak abad 1** masihi.

2 Tamadun islam **melahirkan tokoh-tokoh** perubatan seperti Susruta, Carvaka, Ibn Sinna, Al-Razi dan Al-Zahravi yang **menghasilkan karya** dan melakukan kajian dalam bidang perubatan.

3 Latarbelakang tamadun India dan Islam

ISI JAWAPAN (5 isi x 4 m = 20m)

1. Hasil karya

Tamadun India
Teks-teks perubatan dihasilkan oleh ahli-ahli perubatan India.
Terdapat 4 teks perubatan yang penting di India pada zaman klasik iaitu Carvaka,Susruta, Atreya dan Vagbhata.
Kitab Carvaka mengandungi maklumat tentang pembedahan, penyakit katarak dan hernia.

Tamadun Islam
Tamadun Islam juga menyumbangkan karya-karya perubatan seperti kitab-kitab dan ansiklopedia. Al-Razi menghasilkan 200 jilid teks perubatan termasuk kitab Al-Hawi, kitab Al-Mansur dan kitab Al-Ansar.Al-Zahrawi menghasilkan karya-karya seperti kitab Al-Tasrif dan kitab Al-Zahrawi yang digunakan sebagai teks utama dalam bidang pembedahan.Ibnu Sina menghasilkan 456 buku dan yang termashyur ialah kitab Al-Qanun Fi Al-Tibb.

2. **Tokoh-tokoh perubatan**

Tamadun India
Tamadun India melahirkkan ramai tokoh-tokoh perubatan dan terkenal seperti Susruta, Carvaka, Bhoja dan Chakrapanidatta.
Bhoja menghasilkan karya perubatan berjudul Rajamgraha manakala Chakrapanidatta menghasilkan karya perubatan Ayurvedadipika dan Bhanumathi.Doktor-doktor India mempunyai kemahiran dalam pembedahan, system saraf dan merawat cacar**.**

Tamadun Islam
Tamadun Islam melahirkan tokoh-tokoh **perubatan terkenal seperti Al-Razi, Al-Zahrawi dan Ibn Sina.**
Tokoh-tokoh ini **menghasilkan karya dan ensiklopedia** dalam pelbagai bidang perubatan seperti **pembedahan, farmahologi dan anatomi.**
Tokoh-tokoh perubatan Arab seperti **Hunain menterjemah** karya-karya perubatan **Oribasius, Dioscoridius dan Paulus Aeginna**

3 **Kajian Perubatan**

Tamadun India
Tokoh-tokoh perubatan India melakukan **kajian tentang penyakit, kaedah rawatan dan ubat-ubatan.**Doktor-doktor di India mempunyai **kemahiran menanam cacar, menghasilkan ubat-ubatan dan melakukan kajian dalam bidang anatomi .** Mereka juga mempunyai **pengetahuan tentang urat, ligament, tisu vascular dan tulang.**

Tamadun Islam
Tokoh-tokoh perubatan Islam melakukan **kajian tentang jenis penyakit, cara rawatan serta pemulihan.** Umpamanya **Ibn Sina** melakukan **kajian tentang tetanus,kejangkitan tubarkulosis, antraks, diabetes dan meningitis**
Al-Razi melakukan **kajian tentang farmakologi, anatomi, penyakit cacar dan campak.**

4 **PEMBEDAHAN**

Tamadun India
Terdapat **system pembedahan yang efisyen** di India pada zaman klasik
Pengetahuan tentang pembedahan bermula **sejak zaman Gupta** yang terkandung dalam kitab perubatan Carvaka
Pembedahan plastic bagi memulihkan kecacatan pada hidung, telinga dan bibir dijalankan

Tamadun Islam
Tokoh perubatan Islam yang terkenal dalam bidang **pembedahan** ialah **Al-Zahrawi.**Beliau **menghasilkan buku** tentang ilmu pembedahan yang dikenali sebagai **Al-Tasrif** . Al-Zahrawi memperkenalkan 150 alat untuk melakukan pembedahan termasuk alat obstatik dan pergigian.

5 **Penemuan ubat-ubatan**
Tamadun India
Tokoh-tokoh perubatan India **menghasilkan pelbagai jenis ubat** yang digunakan sebagai **penawar, racun dan makjun.**
Tokoh-tokoh perubatan menghasilkan **ubat-ubatan daripada produk haiwan, tumbuh-tumbuhan dan bahan mineral**
Doktor India juga mencipta ubat cacar untuk **merawat penyakit campak**

Tamadun Islam
Ali Ibn Abbas menemui ubat analgesic dan menggunakan alcohol, ammonia, sirap, perekat formalin dan bahan kimia untuk membuat dos ubat-ubatan.
I**bn Sina dalam kitab Al-Qanun Fi Al-Tibb** membincangkan **proses penyediaan ubat** dan pelbagai jenis ubat seperti losen, pil, minyak dan salap.

KESIMPULAN (2m)

Tamadun India dan Islam **melahirkan ramai tokoh perubatan** terkenal yang menjalankan kajian dalam pelbagai lapangan
Mereka **memperkenalkan pelbagai kaedah merawat** penyakit dan **mencipta ubat-ubatan** untuk **memulihkan** pelbagai jenis **penyakit.**
Tamadun India dan Islam **meletakkan asas yang kukuh** bagi kemajuan yang dicapai dalam **bidang perubatan.**

16. Bandingkan sistem ketenteraan Islam dengan sistem ketenteraan dalam tamadun Rom.

PENGENALAN (3m)

1. Tamadun Islam mempunyai sistem pertahanan dan barisan ketenteraannya yang tersendiri akibat daripada suasana persekitaran yang memerlukan umat Islam mempertahankan diri . Ketenteraan mula berkembang sewaktu pemerintahan khulafa al-Rasyidin, Bani Umaiyah dan Bani Abasiyah

2. Kerajaan Rom wujud pada 753 SM –mempunyai sistem pertahanan dan ketenteraan sendiri utk memperluaskan kuasa empayar selain mempertahankan Negara drpd ancaman luar.

3. Konsep ketahanan dan pertahanan

ISI JAWAPAN (5 isi x 4 m = 20 m)

1. **Matlamat ketenteraan**

   Islam :
   Bagi menegakkan agama Allah, menjaga kehormatan dan maruah umat Islam, kehormatan negara Islam. Setiap individu bertanggungjawab mempertahankan agamanya dpd diancam dan dihina oleh org lain . Peperangan juga sebagai jalan untuk menegakkan kesucian Islam dan hanya dihalalkan apabila umat Islam diperangi atau maruah Islam dihina

   Rom:
   Untuk memperluaskan kuasa untuk tujuan politik dan ekonomi dan berjaya memperluaskan pengaruh politik ke benua Eropah, Asia & Afrika serta wilayah2 di Laut Mediterranean. Ianya juga dapat menguasai seluruh perdagangan yang akan mendatangkan keuntungan yang besar kepada Rom

2. **Etika dalam peperangan**

   Islam
   Peperangan hanya melibatkan kepada golongan yang terlibat dan berada di medan perang dan terdiri daripada golongan lelaki. Manakala golongan wanita , kanak-kanak dan orang tua dianggap tidak layak untuk berperang dan dibunuh
   Harta benda juga tidak dimusnahkan dan hanya harta perang sahaja yang diambil Seperti peralatan perang, bekalan makanan yang dibawa dan juga kenderaan tunggangan

Rom
Dalam Peperangan nyawa tidak mempunyai nilai begitu juga dengan harta benda. Ketika berperang dibenarkan berlaku kemusnahan harta benda dan kematian manusia tanpa mengira usia dan jantina

3. **Organisasi ketenteraan**

Islam
Organisasi ketenteraan telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad, baginda sendiri bertindak sebagai panglima perang dalam beberapa siri peperangan. Pasukan tentera terdiri daripada pasukan pemanah , pasukan berkuda dan lain-lain . Di dalam pasukan tentera terdapat agihan tugas tertentu seperti ada yang menjadi peninjau, utusan perang dan pemegang panji-panji .Pada zaman Khulafa al-Rasyidin ada jawatan ketua turus, timbalan, komander, qaid, dan leftenan

Rom
Organisasi tentera yang tersusun dan bersistematik.Terdiri daripada dua kategori besar iaitu legionaries dan auxilaries. Legionaries diambil daripada kalangan warganegara dan dan rakyat wilayah jajahan yang diberi kerakyatan melalui pendaftaran. Manakala auxilaries diambil drpd bukan warganegara dan akan diberi taraf kewarganegaran selepas 25 tahun .Terdapat tentera infantri (bejalan kaki) dgn jumlah yang besar .Contohnya pada abad ke 4 M kekuatan satu legion askar adalah antara 4000 hingga 6000 org dan dibahagikan kepada 10 Cohort. Ketuanya digelar Legatus diikuti colonel, Tribuni dan barisan penunggang kuda. Mereka juga menerima gaji yang lebih tinggi

4. Taktik peperangan

Islam
Menggunakan taktik dan strategi yang berbeza mengikut kesesuaian dalam peperangan . Contohnya taktik menunggu musuh dan taktik al-Saf yang digunakan dalam perang Badar kerana jumlah tentera Islam adalah sangat sedikit berbanding pihak musuh . Taktik ini sangat sesuai kerana tentera Islam telah beroleh kemenangan walaupun menentang pihak musuh yang ramai. Dalam peperangan Khandak, tentera Islam di Madinah menggunakan teknik menggali parit dan bertahan . Taktik mengepung dan serangan bertubi-tubi dalam Perang Taif

Rom
Menggunakan kekejaman mengikut cara orang Moghul (membunuh dgn kejam) Tujuannya untuk menanamkan sifat bimbang dan menimbulkan perasaan gerun di kalangan musuh serta melemahkan kekuatan mental musuhnya .Contohnya sewaktu menyerang New Carthage panglima Rom, Acipio Atrimus telah mengarahkan

tentera2nya membunuh sesiapa sahaja yang mereka temui dan tidak membenarkan sesiapa pun hidup.

5. Peralatan peperangan

Islam
Menggunakan senjata seperti pedang, tombak dan panah, manjaniq(ballista) dan dabbabah (amantelet) pada zaman Nabi Muahammad. Penggunaan kenderaan seperti kuda, unta dan keldai. Manakala pada zaman Khalifah Umar telah menggunakan bahtera utk melalui jalan laut (berperang di laut)

Rom
Kekuatan tentera dikatakan berkaitan dengan kecanggihan peralatan yg digunakan. Peralatan tentera dipinjam drp musuh2 yang dikalahkan; baju besi & helmet besi daripada org Etruscan, lembing daripada orang Samnites, perisai daripada orang Celtgas dan pedang bermata dua daripada orang Iberia. Penggunaan kenderaan seperti kuda, kereta berkuda dan lain-lain lagi .

KESIMPULAN (2 m)

Peperangan dalam Islam adalah untuk mempertahankan diri, Negara dan agama drpd diceroboh dan kebanyakkannya adalah utk bertahan bukan utk menyerang. Manakala ketahanan dan pertahanan Rom adalah lebih bertujuan utk meluaskan kuasa dan pengaruh yang menekankan kpd kepentingan keduniaan semata-mata.

- Soalan perbandingan. Wacana bandingan di perlukan.